

Newspaper

Berita Harian

Date

29 January 2016

Kutipan GST luar biasa: PM

BH- 29/1/2016

» Pencapaian melebihi RM51b berbanding sasaran awal hanya RM37.2b

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my


► Petaling Jaya

Datuk Seri Najib Razak berkata, kutipan hasil Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) melebihi RM51 bilion sejak ia dilaksanakan pada April tahun lalu, satu pencapaian luar biasa berbanding sasaran awal kerajaan.

Perdana Menteri berkata, sebelum GST dilaksanakan pada April 2014, kerajaan hanya mengutip cukai RM37.2 bilion.

“Sebenarnya GST antara faktor penyumbang kepada keadaan ekonomi yang stabil dan membantu kerajaan menangani keadaan ketidakpastian ekonomi global yang dialami kini.

“Saya harap momentum ini akan dapat diteruskan,” katanya berucap pada majlis sambutan Hari Kastam Sedunia, di ibu pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Wilayah Persekutuan di sini, semalam.



Najib merasmikan majlis sambutan Hari Kastam Sedunia sambil diperhatikan Ahmad Husni; Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Chua Tee Yong (dua dari kanan); Timbalan Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani (kiri) dan Khazali di Petaling Jaya, semalam. [FOTO ABDULLAH YUSOF/BH]

Yang turut hadir, Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah dan Ketua Pengarah Kastam, Datuk Seri Khazali Ahmad.

Najib berkata, pelaksanaan GST adalah satu bentuk keselamatan ekonomi yang kerajaan perjuangkan supaya negara bersedia ketika menghadapi waktu sukar seperti dialami kini.

Beliau berkata, pengenalan GST adalah tepat pada masanya apabila harga minyak dunia kini mengalami penurunan dan kejatuhan mendadak.

Malah, katanya, kutipan GST membolehkan kerajaan me-

nyediakan pelbagai kemudahan termasuk biasiswa dan bantuan lain seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M).

Tidak susahkan rakyat

“Ini menunjukkan GST bukan untuk menyusahkan rakyat, sebaliknya jadi penyelamat rakyat. Dengan keadaan harga minyak jatuh sekitar AS\$30 satu tong, Malaysia masih mampu mengekalkan semua penjawat awam, tidak ada seorang pun diberhentikan termasuk pegawai lantikan kontrak,” katanya.

Perdana Menteri turut memuji kegigihan JKDM mengu-

kuhkan keupayaan dan kemampuan pengendalian serta pentadbiran GST dan mahu agensi itu meningkatkan lagi sistem sedia ada dengan teknologi lebih canggih.

“Jika kita mengamalkan budaya kerja pencapaian yang tinggi, berintegriti dan menggunakan teknologi terkini, saya percaya kastam akan terus jadi barisan depan dalam memperjuangkan jihad ekonomi untuk negara,” katanya.

Mengiktiraf JKDM sebagai organisasi bertaraf global, Najib mengakui jabatan itu agensi yang membantu menjana pendapatan negara.